

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PELANCARAN PROGRAM "RUMAHKU SYURGAKU"

TEMPAT: AUDITORIUM BESAR, ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 01 JUL 1992

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya kita dapat berhimpun di auditorium ini pada malam ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memberi penghormatan kepada saya untuk melancarkan suatu program yang amat bermakna kepada negara.

2. Dalam usaha membangunkan negara, kita mestilah sentiasa peka kepada tujuan hidup kita yang bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan kehidupan. Matlamat kita membentuk negara maju ialah untuk kesejahteraan di dunia dan juga akhirat. Untuk itu kita mestilah mengimbangi kehidupan kita dengan keperluan kebendaan dan kerohanian bagi mencapai tahap kesejahteraan yang sebenar. Kita tidak seharusnya terikut-ikut dengan cara hidup barat, yang walaupun telah mencapai tahap negara maju dari segi perkembangan ekonomi dan teknologi, tetapi mengalami keruntuhan moral dan kesejahteraan kerohanian. Keruntuhan moral dan kerohanian ini sudah menjadikan masyarakat mereka tenggelam punca dan tidak tentu haluan. Tidak syak lagi bahawa keruntuhan moral dan panduan hidup akan merosakkan pembangunan mereka akhirnya.

3. Salah satu akibat yang nyata daripada keruntuhan moral dan kerohanian di negara-negara maju di barat ialah keruntuhan institusi keluarga. Keluarga adalah suatu unit yang penting dalam masyarakat. Keluarga menentukan asas-asas yang mulia untuk kehidupan dapat diteruskan. Tanpa keluarga tidak akan ada kesinambungan nilai hidup di kalangan generasi yang menurut. Dengan itu segala-galanya dilakukan mengikut nafsu individu semata-mata. Masyarakat yang dipenuhi dengan anggota yang hanya mengikut nafsu tidak akan tenteram dan tidak mungkin maju-jaya.

4. Keruntuhan moral dan kehancuran institusi keluarga berpunca dari pengabdian barat kepada kebebasan yang tidak terhad. Apa sahaja boleh dibuat sebagai hak individu dalam masyarakat bebas. Dengan itu segala nilai yang dimuliakan oleh masyarakat digugur dan diganti dengan nilai-nilai yang bertentangan. Demikian jika dahulu ibu bapa dihormati, sekarang mereka tidak diindahkan, jika dahulu ketertipan disanjung, sekarang ketidaksiaman diagung-agungkan, jika

dahulu pasangan bagi lelaki ialah wanita, sekarang tanpa segan-segan dipamirkan cinta antara lelaki dengan lelaki. Proses keruntuhan ini akan terus berlaku kerana falsafah kebebasan tanpa had masih dipuja.

5. Oleh kerana ancaman terhadap kekeluargaan oleh falsafah barat inilah maka Kerajaan memberi perhatian yang lebih serius kepada keluarga dan peranannya dalam masyarakat kita. Kerajaan bukan sahaja berusaha untuk mempertahankan institusi keluarga tetapi untuk meningkatkan kualiti keluarga melalui berbagai agensi dan program supaya keluarga lebih mampu mengecap hasil pembangunan negara.

6. Melalui program pembasmian kemiskinan, Kerajaan telah mengenal pasti keluarga-keluarga termiskin dan berusaha sedaya upaya membantu mereka supaya bebas dari belenggu kemiskinan. Di dalam hal ini pendekatan Kerajaan terhadap masalah kemiskinan tidak hanya dilihat dari sudut kebendaan semata-mata, tetapi kemiskinan itu dilihat juga daripada segi kualiti manusia yang menyeluruh. Ini termasuklah kemiskinan ilmu pengetahuan, kerendahan moral, adab dan kesopanan yang mana semua ini mempunyai kesan terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara.

7. Hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang tidak akan tercapai sekiranya individu yang menjadi elemen terpenting dalam masyarakat membelakangkan sifat-sifat positif yang sepatutnya mereka miliki. Oleh itu sifat-sifat mulia yang dianjurkan oleh Islam seperti sayangkan negara, cintakan keluarga, rajin dan tertib, berdaya saing, bertolak ansur, tidak mensesiakan masa dan sebagainya perlu dipraktik lebih daripada yang diperkatakan.

8. Begitu juga hasrat negara untuk melahirkan masyarakat yang prihatin dan produktif menjelang tahun 2020 tidak akan menjadi kenyataan sekiranya ibu bapa berpendapat bahawa semua usaha ke arahnya adalah tanggungjawab Kerajaan. Sebenarnya ibu bapa hari ini mempunyai peranan yang penting untuk memahami hasrat negara dan dengan itu menolong membentuk peribadi generasi muda supaya sesuai dengan perubahan-perubahan yang akan berlaku menjelang tahun 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Anak merupakan amanah dari Allah kepada kita semua. Oleh itu para ibu bapa perlu menjaga amanah tersebut dengan betul dan cermat supaya ia tidak mendatangkan mudarat kepada semua pihak. Pelancaran program Rumahku Syurgaku tepat pada masanya di waktu Kerajaan sedang menyusun strategi dan perancangan menuju ke arah negara maju.

10. Al-Quran sebagai kitab panduan hidup kepada manusia telah memberikan beberapa panduan kepada ibu bapa supaya mereka tidak akan tergelincir dari jalan yang benar yang diredhai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dalam surah Luqman ayat 13 Allah telah berfirman yang bermaksud :
"Dan (ingatlah) tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak

kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah kezaliman yang besar"

11. Demikianlah al-Quran menjelaskan bagaimana seorang bapa yang mempunyai wawasan, memastikan hidup anak-anak mereka berterusan di atas jalan yang benar dan mencapai kejayaan iaitu melalui jalan yang direndah oleh Allah.

12. Demikianlah juga kepada anak-anak yang merupakan pewaris yang akan menerajui pimpinan negara di masa hadapan, perlu mempunyai saksi yang baik serta memiliki tingkah laku yang terpuji terutama ketika berhadapan dengan orang tua mereka. Hal ini kita dapat faham daripada firman Allah dalam surah al-Israa' ayat 23 yang bermaksud:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan pemeliharaan mu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ah", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakan kepada mereka perkataan yang mulia."

13. Ajaran Islam mendidik manusia, bukan sekadar ibu bapa yang perlu menanggung dan memelihara anak-anak mereka, tetapi anak-anak juga perlu membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa mereka terutama setelah ibu bapa mereka lanjut usia. Budaya yang suka menghantar orang-orang tua ke rumah-rumah kebajikan dirasakan tidak sesuai dengan budaya timur apatah lagi dengan ajaran Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Masyarakat yang berkasih sayang adalah lahir dari rumahtangga yang aman damai. Ianya akan menghasilkan produktiviti yang baik, membolehkan suami bekerja dengan tenang dan isteri melaksanakan tugas dengan sempurna dan dengan itu menghindarkan segala sengketa. Dengan yang demikian ekonomi rumahtangga dan negara akan meningkat.

15. Faktor terpenting ke arah mewujudkan rumahtangga bahagia adalah faktor didikan dan asuhan. Bagi seseorang muslim, didikan Islamlah yang menjadi teras utamanya. Apabila setiap anggota dalam rumahtangga terutama anak-anak dan isteri diberi pemahaman yang secukupnya tentang peranan dan tanggungjawab mereka, Insya-Allah akan terbinalah sebuah rumah yang boleh diisytiharkan sebagai Rumahku Syurgaku. Faktor-faktor lain yang perlu dipupuk dalam menghayati keluarga bahagia ialah kejujuran, keikhlasan, tolong menolong dan bertolak ansur. Begitu juga mereka perlu ada sifat "bersyukur" dengan apa yang dikurniakan kepada mereka. Dengan sifat ini bukan sahaja hati manusia akan merasa tenang dan aman bahkan akan mendorong mereka bekerja bertungkus lumus memerah tenaga bagi mencapai kejayaan hidup yang lebih sejahtera dan cemerlang. Firman Allah yang bermaksud: "Sekiranya kamu bersyukur nescaya kami akan

tambahkan rezeki kamu berlipat ganda".

16. Saya amat gembira kerana sejak akhir-akhir ini banyak kursus dan latihan pra perkahwinan telah diadakan sama ada dianjurkan oleh Kerajaan atau pihak swasta. Kerajaan menghargai sumbangan pihak swasta dan orang perseorangan ke arah mewujudkan rumahtangga yang sempurna. Kita percaya kursus atau seminar yang dianjurkan itu sedikit sebanyak mendatangkan faedah kepada bakal-bakal suami atau isteri. Saya harap tidak ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan ini dengan menjadikan kursus perkahwinan sebagai suatu "bisnes".

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Masalah-masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat hari ini adalah berpunca dari kurang didikan dan asuhan agama. Kita sering mendengar kes-kes penderaan dan penganiayaan terhadap kanak-kanak yang tidak berdosa. Di manakah letaknya isi hati dan perasaan kemanusiaan mereka, sehingga sanggup melakukan perbuatan terkutuk tersebut. Selain daripada itu perlu diingat bahawa penderaan terbesar yang dilakukan terhadap anak-anak bukan sekadar penderaan fizikal, tetapi tidak memberi didikan agama yang sewajarnya kepada mereka juga tergolong dalam kategori penderaan.

18. Saya menaruh harapan penuh kepada barisan pemuda harapan bangsa supaya matlamat Wawasan 2020 menjadi agenda utama dalam perjuangan mereka. Pergerakan belia dan pemuda di semua peringkat sepatutnya merancang berbagai aktiviti dan program bagi mencapai matlamat tersebut. Mereka sepatutnya menjadi jurucakap Kerajaan dalam mempertahankan wawasan tersebut sekiranya ada pihak-pihak yang cuba menggagalkannya.

19. Saya menyeru kepada semua pihak supaya memainkan peranan masing-masing ke arah mewujudkan keluarga bahagia, kerana keluarga merupakan unit terpenting dalam masyarakat yang boleh menentukan arah dan arus pembangunan masyarakat berkenaan. Sama ada kita berjaya menjadi negara maju atau tidak banyak bergantung kepada kualiti keluarga Malaysia.

20. Begitu juga saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua Kerajaan Negeri supaya mengambil inisiatif untuk melaksanakan program Rumahku Syurgaku di peringkat negeri.

21. Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar usaha murni ini diberkati dan mencapai objektifnya. Dengan lafaz "Bismillahirrahmanirahim" saya dengan sukacitanya melancarkan program Rumahku Syurgaku.
Wassalamualaikum Warahmatullah wabarakatuh.

